

ISU-ISU KEPIMPINAN POLITIK DALAM LANDSKAP POLITIK MALAYSIA

Zawiyah Mohd Zain

School of Government, College of Law, Government & International Studies, Universiti Utara Malaysia
Tel: +60125342416 Email: zmozain@uum.edu.my

Zuliana Azwa Zulkifli

School of Government, College of Law, Government & International Studies, Universiti Utara Malaysia
Tel: +60132299825 Email: zuliana@uum.edu.my

Mohd Na'eim Ajis

School of Government, College of Law, Government & International Studies, Universiti Utara Malaysia
Tel: +601127495747 E-mail: naeim@uum.edu.my

Norhayati Ibrahim

Faculty of Health Sciences, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur
Tel: 60122757475 E-mail: yatieibra@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kepimpinan politik adalah aspek penting dalam landskap politik sejak kebelakangan ini. Hal ini kerana terdapat pelbagai cabaran dari aspek politik, ekonomi, teknologi dan sosial yang perlu ditangani oleh pemimpin dalam dunia yang serba canggih dan mencabar. Sebagai individu yang bertanggungjawab dalam pentadbiran negara pemimpin politik perlu mempunyai ciri-ciri tertentu untuk memastikan kepimpinan mereka terus relevan. Artikel ini bertujuan untuk meneroka isu-isu kepimpinan politik di Malaysia khususnya pada tahun 2018- 2022. Data kajian diperolehi melalui kaedah kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual dan temu bual kumpulan folkus. Informan terdiri daripada ahli politik, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), ahli akademik dan pemimpin pelajar. Dapatan kajian menunjukkan kepimpinan politik di Malaysia khususnya selepas pilihan raya umum (PRU) ke-14 adalah bewarna warni dengan pelbagai isu yang timbul seperti isu lompat parti dan isu etika. Oleh itu, pasca PRU 15 rakyat berharap pemimpin politik lebih fokus kepada pentadbiran negara melalui penghayatan nilai-nilai Malaysia Madani yang diluncurkan oleh kerajaan Perpaduan.

Kata kunci: Kepimpinan politik, lompat parti, pemimpin, politik Malaysia

1. Pengenalan

Kepimpinan adalah fungsi penting pengurusan di dunia. Namun, definisinya adalah pelbagai dalam latar belakang budaya yang berbeza. Perbezaan ini boleh dilihat dalam bentuk jarak kuasa, keperibadian dan sebagainya. Kepimpinan merupakan salah satu aspek penting dalam menentukan sama ada sesebuah negara itu berjaya mencapai matlamat yang ditetapkan atau tidak. Secara umum kepimpinan bermaksud kemampuan seseorang dalam mempengaruhi individu lain. Kepimpinan adalah suatu proses yang dilakukan oleh seorang pemimpin untuk mempengaruhi orang lain melakukan sesuatu yang diinginkan.

Kepimpinan politik merupakan aspek penting dalam landskap politik sejak kebelakangan ini. Hal ini kerana terdapat pelbagai cabaran dari aspek politik, ekonomi, teknologi dan sosial yang perlu ditangani oleh pemimpin dalam dunia yang serba canggih dan mencabar. Sebagai individu yang bertanggungjawab dalam pentadbiran negara pemimpin politik perlu mempunyai ciri-ciri tertentu untuk memastikan kepimpinan mereka terus relevan. Secara umumnya, pemimpin politik merujuk kepada legislatif (ahli parlimen) iaitu mereka yang bertanggungjawab membuat undang-undang dan juga eksekutif yang terlibat dengan dasar awam dan pentadbiran negara seperti Perdana Menteri dan Menteri Kabinet. Artikel ini bertujuan untuk meneroka isu-isu kepimpinan politik di Malaysia khususnya pada tahun 2018- 2022

2. Metodologi kajian

Reka bentuk kajian yang dipilih adalah pendekatan kualitatif. Kajian kualitatif adalah satu kajian yang membentangkan dan menganalisis sesuatu fenomena, peristiwa, aktiviti sosial, aktiviti politik, persepsi, pemikiran seseorang mahupun berkumpulan. Kajian kualitatif adalah kajian yang menekankan tentang proses dan kandungan, ia tidak diukur secara kuantiti atau bilangan. Seterusnya, tafsiran terhadap sesuatu kes adalah bergantung kepada pengkaji sendiri dan setiap orang mempunyai tafsiran yang berbeza (Kalbin Salim, 2018).

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu melibatkan data sekunder dan data primer. Bagi data primer ia diperolehi melalui temu bual secara mendalam, temu bual kumpulan fokus dan pemerhatian. Manakala data sekunder terdiri daripada dokumen seperti buku, jurnal, laporan kajian dan sebagainya. Informan kajian yang dipilih untuk mendapatkan pandangan terdiri daripada lima kategori iaitu ahli politik kerajaan, ahli politik pembangkang, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), ahli akademik dan pemimpin pelajar institut pengajian tinggi awam.

Ahli akademik yang dipilih terdiri daripada mereka yang pakar dalam bidang sosiologi politik, sains politik dan politik Islam iaitu daripada UKM, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sains Malaysia (USM). NGO pula dipilih dalam kalangan NGO wanita iaitu Pertubuhan Kesedaran Wanita Kedah (PKWK) dan NGO yang aktif melontarkan pandangan tentang isu-isu semasa terdiri daripada Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Ikatan Muslim Malaysia (ISMA). Pemimpin pelajar dipilih daripada tiga universiti iaitu UUM, UKM dan UPM. Bagi ahli politik kerajaan dan pembangkang pemilihan dilakukan di enam (6) negeri yang melaksanakan Pilihan Raya Negeri pada 12 Ogos 2023 iaitu Kedah, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Negeri Sembilan dan Selangor. Mereka terdiri daripada Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan pemimpin parti politik. Namun, disebabkan kekangan masa ahli politik dari Negeri Sembilan tidak dapat ditemu bual.

Temu bual yang dilakukan menggunakan temu bual bersemuka secara mendalam (in-depth interview) dalam bentuk temu bual separa berstruktur (semi-structured interview) iaitu suatu kaedah temu bual (balas jawab) yang tidak membatasi jawapan para informan, tetapi tetap berfokus kepada persoalan kajian. Sekiranya pada waktu temu bual dijalankan terdapat soalan-soalan baru yang muncul, maka penyelidik akan bertanya soalan seterusnya kepada informan bagi memperjelas atau mengesah ulang pernyataan yang telah disampaikan. Temu bual yang dijalankan akan direkod untuk memudahkan proses analisis data.

3. Perbincangan

Malaysia telah mencapai kemerdekaan selama lebih 60 tahun. Dalam tempoh itu terdapat sepuluh Perdana Menteri yang memimpin Malaysia dengan pelbagai aspirasi yang dibawa oleh mereka. Sepanjang tempoh tersebut terdapat pelbagai isu berkaitan kepimpinan politik yang berlaku. Menerusi PRU Ke-14 pada tahun 2018 negara menyaksikan kekalahan Barisan Nasional (BN) setelah 60 tahun memerintah. Selepas itu pelbagai episod politik yang berlaku seperti isu lompat parti, kejatuhan Kerajaan dan juga isu integriti dalam kalangan pemimpin politik. Junaidi Awang Besar (2019) dalam kajiannya menyatakan wujud *silent voters* atau 'pengundi senyap' pada PRU14 dan terdapat pelbagai isu yang telah menjadi masalah besar dalam Kerajaan Barisan Nasional (BN) yang tidak diselesaikan dan ini memberikan satu ruang kepada rakyat untuk beralih sokongan kepada Pakatan Harapan (PH). Manakala Kia (2019) dalam buku beliau telah menjelaskan berkaitan dengan Reformasi Malaysia Baharu. Buku tersebut menghuraikan sejarah pilihan raya yang berlaku dalam negara dan PRU14 merupakan kali pertama Barisan Nasional (BN) mengalami kekalahan teruk.

Sudah jelas bahawa rakyat bersungguh-sungguh dan gigih untuk membawa suatu perubahan dalam Kerajaan dan telah memberikan satu peluang kepada Kerajaan baharu untuk membina Kerajaan Persekutuan.

3.1 Kepimpinan Politik Malaysia

Merujuk kepada pandangan informan tentang kepimpinan politik Malaysia secara umum majoriti informan memberi pandangan yang bersifat negatif. Hasil analisis mendapati pandangan mereka adalah pelbagai. Pertama, perebutan kuasa dalam kalangan pemimpin politik. Politik Malaysia dalam tempoh lima (5) tahun kebelakangan ini memperlihatkan pemimpin lebih mengutamakan perebutan kuasa daripada menangani isu-isu berkaitan masyarakat. Ini dapat dilihat apabila masing-masing kerap bertukar parti dan gabungan semata-mata untuk mengekalkan kuasa dan jawatan mereka. Sedangkan rakyat terhimpit dengan pelbagai isu seperti kenaikan kos sara hidup, isu-isu kesihatan, isu sosial dan sebagainya.¹ Selain itu, ahli politik sekarang juga kurang mendekati diri dengan rakyat atau kumpulan rakyat yang susah. Peranan tersebut banyak diisi oleh NGO. Contoh sekolah-sekolah yang miskin di Sarawak banyak dibantu oleh NGO.²

Kedua kepimpinan yang berteraskan peribadi. Bagi Informan 15 beliau berpendapat kepimpinan politik di Malaysia tidak ada perubahan dari segi struktur dan polisi yang jelas, perubahan yang berlaku hanya perubahan dari segi kerjasama politik sahaja contohnya daripada BN, PR, PH dan PN. Menurut beliau lagi kepimpinan politik hari ini adalah lebih kepada kepentingan peribadi pemimpin.³ Hal yang sama dinyatakan oleh Hunter (2022) dalam analisisnya beliau menyatakan politik Malaysia adalah berdasarkan keperibadian dan bukannya dasar. Selama beberapa dekad politik keperibadian tidak dapat memenuhi keperluan masyarakat yang menghadapi masalah kemelesetan ekonomi, kemiskinan dan inflasi yang semakin meningkat.

Ketiga, ketidakstabilan politik sejak 2018 akibat pertukaran Kerajaan yang terlalu kerap iaitu tiga (3) kali dalam tempoh empat (4) tahun. Misalnya Informan 16 menyatakan kepimpinan negara kerap bertukar dan ini memberi persepsi negatif kepada kepimpinan politik negara.⁴ Informan 13 pula berpendapat dalam tempoh lima (5) tahun lepas berlaku ketidakstabilan politik, negara kita dahagakan satu kepimpinan politik yang boleh membawa satu perubahan dari segi pendekatan politik. Namun, dapat dilihat selepas PRU14 kepimpinan politik di Malaysia masih berkisar kepada kuasa melalui apa jua cara sehingga sanggup menumbangkan Kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Bagi ahli politik mereka tidak kisah apa persepsi masyarakat asalkan boleh berkuasa.⁵

Keempat, pemimpin muda tidak mempunyai banyak ruang dalam politik. Misalnya Informan 19 menyatakan kepimpinan politik masih bergantung kepada pemimpin lama. Walaupun berlaku pertukaran Kerajaan yang kerap tetapi pemimpin yang bertukar ganti adalah pemimpin yang sama sejak dahulu.⁶ Walaupun ada usaha untuk mengetengahkan calon muda tetapi ia masih tidak mencukupi. Selain itu, Kerajaan telah memperkenalkan dasar UNDI 18 untuk menggalakkan

¹ Informan 5 dan Informan 4. Temu bual pada 26 Julai 2023 di UPM dan 17 Julai 2023 di Khidmat DUN Kota Siputeh.

² Temu bual dengan Informan 11 pada 1 Ogos 2023 di UUM.

³ Temu bual pada 30 Ogos di Bangi.

⁴ Temu bual dengan Informan 16 pada 3 September 2023 di Kelantan.

⁵ Temu bual dengan Informan 13 pada 28 September 2023 di Bangi.

⁶ Hal ini turut dipersetujui oleh Informan 20.

penglibatan golongan muda dalam politik, tetapi ia terlalu drastik yang mana tiada persediaan oleh Kerajaan dari segi pendidikan politik atau pendidikan pengundi untuk golongan muda.⁷

Walaupun majoriti berpandangan negatif tentang politik dan kepimpinan politik di Malaysia, terdapat juga beberapa informan yang memberi pandangan yang positif iaitu pertama, kematangan berpolitik. Misalnya menurut Informan 15 Malaysia telah menuju ke arah kematangan politik yang mana merujuk kepada proses pertukaran Kerajaan dalam PRU14 dan pertukaran Kerajaan tanpa pilihan raya pada tahun 2020 dan 2021. Walaupun berlaku isu lompat parti tetapi ia menunjukkan kematangan politik. Hal ini kerana isu lompat parti adalah sesuatu yang dibenarkan dalam negara demokrasi dan terdapat pelbagai perbincangan dari sudut akademik⁸. Selain itu, Informan 19 turut berpandangan politik sekarang semakin matang, kuasa pengundi lebih besar berbanding dahulu dan mereka bebas untuk bersuara terutama di media sosial.⁹

Kedua, terdapat peningkatan yang positif dalam kerangka dasar setiap Kerajaan. Contohnya Datuk Seri Najib Tun Razak memperkenalkan ‘Gagasan Satu Malaysia’ merangkumi pelbagai bantuan kepada rakyat. Kerajaan Tan Sri Muhyiddin Yassin memperkenalkan Konsep “Kerajaan Prihatin”, Dato’ Sri Ismail Sabri Yaakob, Konsep Keluarga Malaysia dan kini Kerajaan Perpaduan dengan Malaysia MADANI. Ringkasnya setiap dasar ini diperkenalkan untuk mengatasi dasar sebelum ini dan ia memberi manfaat kepada masyarakat.¹⁰ Merujuk kepada Kerajaan sekarang walaupun bentuk bantuan dalam Dasar Kerajaan Perpaduan adalah hampir sama dengan Kerajaan sebelum ini, tetapi terdapat peningkatan dari segi jumlah dan juga skop bantuan. Contohnya Bantuan Awal Persekolahan, e-dompet pelajar dan belia serta elaun guru KAFA telah dinaikkan berbanding Kerajaan sebelum ini. Selain itu, Kerajaan juga mewujudkan skim insuran dan takaful untuk rakyat serendah RM5 (<https://malaysiaMADANI.gov.my>, 2023).

Secara kesimpulannya, informan mempunyai pelbagai pandangan tentang kepimpinan politik di Malaysia khususnya dari 2018 sehingga kini. Majoriti mereka mempunyai persepsi yang negatif terutama berkaitan dengan ketidakstabilan politik akibat isu lompat parti. Hal ini berkaitan dengan isu etika iaitu melibatkan kepercayaan rakyat. Perbincangan seterusnya adalah tentang isu-isu politik seperti lompat parti dan integriti dalam kalangan pemimpin politik dan juga cabaran sebagai pemimpin.

3.2 Isu-isu Kepimpinan Politik

Isu Lompat Parti

Secara spesifik, dalam bidang politik, lompat parti merujuk kepada perbuatan seorang ahli politik, lazimnya yang berjawatan, berpindah kesetiaan daripada satu parti politik ke parti politik yang lain. Dalam demokrasi, menukar parti lazimnya ialah proses yang sah. Namun, dari segi moral ia dianggap mengkhianati pengundi yang memilih mereka berdasarkan parti. Kekerapan amalan lompat parti adalah berbeza mengikut negara dan jumlah negara dengan tradisi demokrasi yang kurang maju, boleh berlaku lompat parti untuk memperoleh wang, pejabat atau kelebihan lain. Lompat parti berlaku lebih kerap apabila sesebuah parti mengubah hala tuju politik, membentuk gabungan baru atau berpecah menjadi parti-parti serpihan. Amalan lompat parti adalah diharamkan di sesetengah negara seperti di India, Rusia dan Ukraine (2004 - 2010).

⁷ Temu bual dengan Informan 18 pada 7 September 2023 di Bangi. Pendapat beliau tentang UNDI18 turut disokong oleh Informan 13, menurut beliau pendidikan kepada pengundi muda adalah penting untuk menggalakkan mereka terlibat dalam proses pengundian. Temu bual dengan Informan 13 pada 27 Ogos 2023 di Bangi.

⁸ Hal ini dinyatakan oleh Informan 18 dan Informan 14 dalam sesi temu bual pada 7 September di Bangi dan 28 Ogos di Kuala Lumpur.

⁹ Temu bual dengan Informan 19 pada 9 September 2023 di Pulau Pinang.

¹⁰ FGD bersama pemimpin pelajar UUM pada 16 Julai 2023 di UUM.

Pada 28 Julai 2022, di Malaysia, Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan (Pindaan) (No.3) 2022 mengenai peruntukan larangan ahli Dewan Rakyat lompat parti diluluskan dengan undi majoriti dua (2) pertiga ahli Dewan dan dengan itu Malaysia juga menjadi salah satu negara yang mengharamkan lompat parti. Sejak 25 Mei 2023, sembilan (9) negeri di Malaysia telah meluluskan "Undang-undang Anti-Bertukar Parti" atau "Undang-undang Anti-Lompat Parti" untuk bahagian ADUN termasuk Sabah dan Sarawak.

Undang-undang Anti-Lompat parti tersebut digubal berikutan peristiwa lompat parti yang melibatkan sekumpulan ahli parlimen selepas PRU ke-14 pada Mei 2018. Kesannya ia telah membawa kepada kejatuhan Kerajaan Pakatan Harapan (PH) yang hanya memerintah selama 22 bulan. PH yang asalnya membentuk Kerajaan dengan 139 kerusi dengan empat (4) komponen utama PKR, DAP, BERSATU, Amanah dan mendapat sokongan WARISAN dan UPKO akhirnya hanya mempunyai 102 kerusi (hilang majoriti) selepas peristiwa lompat/bertukar parti yang melibatkan BERSATU (26 kerusi) dan kumpulan penyokong Timbalan Presiden PKR (11 kerusi) (Berita Harian, 2020).

Berhubung isu lompat parti ini hasil kajian yang dijalankan menunjukkan majoriti informan yang ditemu bual (23) tidak bersetuju dengan tindakan melompat parti di Malaysia. Hal ini kerana ia adalah perbuatan yang tidak bertanggungjawab dan tidak beretika. Rakyat memilih mereka atas dasar parti yang diwakili, kemudian mereka mengkhianati kepercayaan rakyat. Namun begitu, terdapat juga (2) informan yang tidak kisah dengan tindakan tersebut. Misalnya bagi Informan 22 beliau mengatakan apabila parti tidak lagi memperjuangkan ideologi asal dan lebih memberi tumpuan kepada individu adalah lebih baik untuk meninggalkan parti. Mengambil contoh selepas PRU 2018 sekumpulan ahli politik menukar parti kerana mereka mahukan negara dipimpin oleh kumpulan pemimpin yang majoritinya Melayu Islam.¹¹

Dari segi kesan lompat parti yang merujuk kepada kejatuhan Kerajaan seperti tahun 2018 ia memberi impak yang tidak baik kepada aspek sosial, ekonomi dan politik sendiri. Antara pendapat informan ialah:

- i. Kejatuhan Kerajaan yang dipilih rakyat secara sah membawa kepada ketidakstabilan politik. Hal ini menyebabkan dasar yang dirancang oleh Kerajaan sukar dilaksanakan. Terdapat Dasar Kerajaan yang baik tetapi tidak dapat diteruskan kerana pertukaran Kerajaan (Informan 5, Informan 17 & Informan 18).
- ii. Rakyat hilang kepercayaan kepada pemimpin politik dan juga kepada sistem demokrasi itu sendiri. Hal ini boleh menyebabkan masyarakat khususnya golongan muda kurang berminat dengan politik dan ada antara mereka yang tidak mahu keluar mengundi (Informan 13, Informan 16, Informan 19 & Informan 20).
- iii. Dari perspektif ekonomi kebanyakan informan berpendapat ia akan menyebabkan pelabur lari. Hal ini kerana berlaku ketidaktentuan dalam dasar-dasar negara berkaitan dengan ekonomi dan sebagainya (Informan 1, Informan 5, Informan 6 & Informan 18).

Secara rumusannya, tindakan ahli Parlimen yang melompat parti menyebabkan rakyat hilang kepercayaan terhadap ahli Parlimen yang dipilih melalui pilihan raya. Tidak dinafikan pelbagai alasan untuk seorang ahli Parlimen bertindak lompat parti misalnya ideologi yang berbeza, pengaruh wang, kuasa dan dijanjikan jawatan dalam parti. Sikap dan tindakan lompat parti oleh ahli Parlimen secara langsung menggambarkan nilai kesetiaan terhadap parti yang diwakili. Keadaan ini secara langsung

¹¹ Temu bual dengan Informan 22 pada 25 September secara atas talian.

menggambarkan kepemimpinan parti yang lemah dan memberi indikasi kepada rakyat mengenai ketidakstabilan politik dan Kerajaan yang memerintah.

Isu Integriti

Integriti bermaksud kualiti kejujuran dan mempunyai prinsip moral yang kukuh (Oxford Learner's Dictionaries, 2023). Rendroff (2015) mendefinisikan integriti seperti berikut:

“Integrity accounts for the inviolability of the human being. Although originally a virtue of uncorrupted character, expressing uprightness, honesty, and good intentions, it has, like dignity, been universalized as a quality of the person as such. Thus, it refers to the coherence of life that should not be touched and destroyed”.

Berdasarkan definisi tersebut integriti merujuk kepada tahap kejujuran dalam diri individu yang berasaskan kepada prinsip moral atau pegangan agama seseorang. Merujuk kepada data yang dianalisis semua informan bersetuju bahawa terdapat segelintir pemimpin politik negara kita yang mempunyai masalah integriti. Akibatnya mereka terpalit dengan pelbagai isu seperti rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dana. Sebagai seorang pemimpin politik mereka sepatutnya meletakkan integriti sebagai perkara utama dalam melaksanakan tugas. Menurut Informan 5, sekiranya orang yang memimpin mempunyai nilai integriti yang tinggi, prinsip yang tegas dan jelas beliau boleh mengemudi negara dengan baik.¹² Sekiranya tiada nilai integriti boleh berlaku pelbagai perkara seperti salah guna kuasa dan rasuah. Inilah isu yang selalu dikaitkan dengan pemimpin politik di Malaysia.

Sementara itu, menurut Informan 19, bila seseorang itu mempunyai kuasa akan menyebabkan mudah untuk berlaku salah guna kuasa dan pecah amanah dan seterusnya menyeleweng dana-dana awam untuk kepentingan peribadi.¹³ Tidak dinafikan sebagai ahli politik sama ada di peringkat parlimen atau DUN mereka mempunyai ruang dan peluang yang sangat luas untuk terlibat dengan hal yang tidak berintegriti sekiranya tidak mempunyai nilai jati diri yang tinggi.

Dalam sesi FGD dengan Majlis Perwakilan UUM mereka bersetuju bahawa isu-isu berkaitan integriti seperti rasuah bergantung kepada individu itu sendiri. Sekiranya seseorang pemimpin itu tersasar ia memang akan memberi kesan yang besar bukan sahaja kepada individu tetapi juga kepada parti dan negara. Misalnya kes rasuah, pecah amanah, salah guna kuasa dan sebagainya yang melibatkan pemimpin UMNO telah menjatuhkan reputasi dan imej UMNO dan Barisan Nasional (BN). Kerana isu ini juga buat pertama kali Barisan Nasional (BN) tewas dalam pilihan raya pada tahun 2018.¹⁴

Manakala bagi pemimpin pelajar UKM mereka mengatakan bahawa masalah rasuah adalah isu yang besar iaitu satu virus yang melibatkan banyak pihak untuk mendapatkan sesuatu. Menurut mereka bila satu figura dihukum atas kesalahan rasuah, jika didapati bersalah beliau perlu dihukum dengan betul. Yang mana akan wujud perpecahan dalam masyarakat jika figura tersebut terlepas dari dikenakan tindakan. Bagi mereka tidak kira pemimpin mana, apa latar belakang yang penting jika pemimpin tiada integriti, siapa lagi yang mahasiswa akan percaya. Kalau pemimpin ada kes rasuah,

¹² Temu bual pada 26 Julai 2023 di UPM.

¹³ Hal ini turut diakui oleh pemimpin pelajar UPM dalam sesi FGD dengan mereka pada 26 Julai 2023.

¹⁴ FGD bersama pemimpin pelajar UUM pada 16 Julai 2023 di UUM.

pecah amanah dan sebagainya kata-katanya di Parlimen sukar dipercayai malah hujahan beliau akan dipandang remeh.¹⁵

4. Kesimpulan

perbahasan di atas menunjukkan bahawa politik Malaysia selepas PRU14 adalah tidak stabil disebabkan isu lompat parti sehingga menjatuhkan Kerajaan. Selain itu, pemimpin juga terpalit dengan isu-isu negatif yang tidak berintegriti seperti rasuah dan salah guna kuasa. Hal ini menyebabkan masyarakat tidak berminat dengan politik dan tidak dipercayai ahli politik yang bermasalah. Ini kerana disaat negara menghadapi pelbagai masalah disebabkan COVID-19 pemimpin pula lebih tertumpu kepada isu politik dan kuasa. Dari segi cabaran kepimpinan, pada masa kini pemimpin berhadapan dengan cabaran yang lebih besar apabila rakyat mula menilai dan mempersoal tindak-tanduk pemimpin.

5. Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh Jabatan Komunikasi Komuniti (JKOM), Jabatan Perdana Menteri melalui Geran Agensi Luar (Awam) UUM Kod S/O 21565/2023.

6. Rujukan

- Berita Harian. (2020, 24 Februari). PH hilang majoriti jadi Kerajaan pusat. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/658690/ph-hilang-majoriti-jadi->
- Hunter, M. (2022). *Malaysia: The need to move from personality to policy based politics – analysis*. Eurasia Review: News and Analysis. <https://www.eurasiareview.com/author/murray-hunter/>
- Junaidi Awang Besar, Muhammad Yusuf Idris, & Mohd Syukri Zainuddin. (2020). Pengaruh kepimpinan politik kepartian berasaskan etnik terhadap pola keputusan PRU DUN sabah 2020. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(9), 39-60.
- Junaidi Awang Besar. (2019). Perubahan politik dalam Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14, 2018 di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4), 220-232. <https://doi.org/10.17576/geo-2019-1504-16>
- Kalbin Salim. (2018). *Pengantar pengajian kualitatif*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Kia, S. K. (2019). *Days of hope: Real reform for 'new' Malaysia*. SUARA Intiatif.
- Oxford Learner's Dictionaries. (2023). <https://www.oxfordlearnersdictionaries.com/definition/english/integrity>
- Rendtorff, J. D. (2015). Integrity, concept of. In H. ten Have (Ed.), *Encyclopedia of global bioethics* (pp. 1-7). Springer Science Business Media. <https://doi.org/10.1007/978-3-319-05544-2>

¹⁵ FGD bersama pemimpin pelajar UKM pada 26 Julai 2023 di kampus Bangi, UKM.

Senarai Informan

No.	Informan	Kategori	Tarikh dan Tempat Temu Bual
1. 2. 3.	Pemimpin pelajar UUM (i) Pemimpin pelajar UUM (ii) Pemimpin pelajar UUM (iii)	FGD, Pemimpin pelajar UUM	16 Julai 2023, UUM
4.	Ahli Politik	Bekas Adun Kota Siputeh, Kedah Mei 2018 - Ogos 2023	17 Julai 2023, Pusat Khidmat Dun Kota Siputeh
5.	Ahli Akademik	Penyarah Sains Politik, UPM	26 Julai 2023, UPM
6. 7. 8.	Pemimpin pelajar UKM (i) Pemimpin pelajar UKM (ii) Pemimpin pelajar UKM (iii)	FGD, Pemimpin Pelajar UKM	26 Julai 2023, UKM
9. 10.	Pemimpin pelajar UPM (i) Pemimpin pelajar UPM (ii)	FGD, Pemimpin Pelajar UPM	26 Julai 2023, UPM
11.	AJK PKWK	NGO	1 Ogos 2023, UUM
12.	Ahli akademik	Pensyarah Politik Islam USM	23 Ogos 2023, Secara atas talian
13.	Ahli Politik	Ahli Parlimen Bangi	28 Ogos 2023, Pusat Khidmat Ahli Parlimen Bangi, Bangi Selangor
14.	Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)	NGO	29 Ogos 2023, Ibu Pejabat ABIM, Kuala Lumpur
15.	Ahli Akademik	Ahli akademik - Sosiologi Politik	30 Ogos 2023, UKM
16.	Ahli Politik	Adun Temangan, Kelantan	3 September 2023, Pejabat Timbalan Menteri Besar, Kelantan
17.	Ahli Politik	Adun Ladang, Terengganu	4 September 2023, Pusat Khidmat Adun Ladang, Terengganu
18.	Presiden Ikatan Muslim Malaysia (ISMA)	NGO	7 September 2023, Ibu Pejabat ISMA, Bangi
19.	Ahli Politik	Adun Pantai Jerjak, Pulau Pinang	9 September 2023 Pulau Pinang
20.	Ahli Politik	Adun Tanjung Bungah, Pulau Pinang	10 September 2023, Pulau Pinang
21.	Ahli Politik	Bekas Ketua Pemuda Umno Kedah dan Bekas Adun Bukit Lada, Kedah	20 September 2023, Alor Setar Kedah
22.	Ahli Politik	AP Padang Serai, Kedah	25 September 2023, Secara atas talian
23.	Ahli Politik	Adun Kota Anggerik, Exco Kerajaan Selangor	2 Oktober 2023, Shah Alam
24.	Ahli Politik	Ahli Parlimen Alor Setar	8 Oktober 2023, Alor Setar, Kedah
25.	Ahli Politik	Adun Kota Siputeh	11 Oktober 202, Ayer Hitam, Kedah